


RINGKASAN EKSEKUTIF


I. Pengenalan Cadangan Projek

Tajuk Projek	Cadangan Pembangunan Bercampur di atas Lot 6934, Mukim Bukit Katil, Daerah Melaka Tengah, Hang Tuah Jaya, Melaka.
Pemilik Tanah	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).
Pemaju	Encorp Bukit Katil Sdn Bhd
Jurisdiction	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
Lokasi Am	Kawasan tapak projek terletak di atas Lot 6934, Mukim Bukit Katil, Daerah Melaka Tengah, Hang Tuah Jaya, Melaka. <ul style="list-style-type: none"> • <i>Lokasi Tapak Projek seperti di dalam Gambarajah A.</i> • <i>Lokasi Geografi Tapak Cadangan Projek Pembangunan serta koordinat latitud dan longitud seperti di dalam Gambarajah B.</i>
Keluasan Tapak Projek	640.98ekar atau 259.4 hektar
Status Perundangan	Cadangan Projek ini adalah pembangunan perumahan yang tertakluk kepada perkara dibawah dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 dibawah sekyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012. i. 14(c)(i) : Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan dengan kapasiti 20,000 PE atau lebih. - Cadangan Loji Rawatan Kumbahan dibina dengan kapasiti 60,000 PE ii. 18 : Pembangunan bandar baru mengandungi 2,000 unit rumah atau meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih - Terdapat 5,010 unit rumah dalam cadangan pembangunan
Accessibility	<ul style="list-style-type: none"> • Lebuhraya Utara-Selatan → susur keluar Ayer Keroh → Lebuh Ayer Keroh (FR 142) → Jalan Gapam • Lebuhraya Utara-Selatan → susur keluar Ayer Keroh → Lebuh Ayer Keroh (FR 142) → Jalan Gapam → Jalan Tun Hamzah • Lebuh SPA (Federal Route 33) → Jalan MITC → Jalan Gapam → Jalan Tun Hamzah
Zoning Compatibility	<ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan "Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya 2025", cadangan pembangunan perumahan dan komersil ini termasuk di dalam kelas guna tanah bagi pembangunan perumahan seperti mana yang akan di gazet dalam Blok Perancangan BPK3.3 Bukit Katil Damai under BP3 Bukit Katil – Orna Resort • Tidak terletak dalam kawasan yang akan di gazet sebagai Tapak Warisan
Keadaan semasa tapak projek	<ul style="list-style-type: none"> • Tapak projek dilitupi dengan tanaman jagung manis, kelapa sawit, pokok-pokok kecil, dan tumbuhan renek • Jalan tanah merah dalam tapak projek ini digunakan bagi memudahkan aktiviti penanaman jagung manis dan kelapa sawit • Tanaman jagung manis dimiliki oleh penyewa tanah Felda yang telah mengosongkan kawasan itu. <p><i>Keadaan semasa di tapak projek seperti di dalam Gambarajah C.</i></p>


Gambarajah A: Lokasi Tapak Projek



Gambarajah B : Lokasi Geografi Tapak Cadangan Projek Pembangunan



Gambarajah C: Keadaan semasa di tapak projek



Pihak yang terlibat dalam pembangunan ini:-

i) Pemilik Tanah

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

Wisma FELDA, Jalan Perumahan Gurney,
54000 Kuala Lumpur.

ii) Pemaju

ENCORP BUKIT KATIL SDN. BHD

No. 45-G Jalan PJU 5/21, Encorp Strand,
Pusat Perdagangan Kota Damansara,
Kota Damansara PJU 5,
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 6286 7777; Fax : 603 - 6286 7676

Attn.: En. Sazali Salleh

iii) Perunding Perancang dan Pembangunan

AJC PLANNING CONSULTANTS SDN. BHD.

Global Business & Convention Centre, Block B,
First Floor, No. 8, Jalan 19/1, 46300, Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-7956 8999; Fax: 03-7956 9320

Attn.: Pn. Mahani Mohd Yasin

(Town Planner)

iv) Jurutera Awam dan Struktur

PERUNDING AZIZ, AZALI & TEE SDN BHD..

No. 9, Jalan Kenari 2, Bandar Puchong Jaya,
Puchong,
47100 Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-5882 7385 / 5882 7485;

Fax: 603-5882 4674

Attn.: Ir. Mohammad Rosli bin Che Abdullah

v) Perunding Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

HSK CONSULT

No. 23-A, Jalan Uda Utama 3/14

Bandar Uda Utama

81200 Johor Bahru, Johor

Tel: 07-238 8087

Attn.: **Normiza Shahman bin Ab. Aziz**

vi) Juru Ukur

PERUNDING UKUR ZAKARIA

No. 33-2, Jalan USJ Sentral 3,
USJ Sentral, Persiaran Subang 1,
47600 Subang Jaya, Selangor

Tel: 03-8024 6889

Attn.: **Sr. Zakaria bin Saat**

vii) Perunding Trafik

REKA RUNDING SDN BHD

No. C15-2, 2nd Floor

Jalan Reef ½,

Reef Commercial Center

48000 Rawang, Selangor

Tel.: 03-6093 6876; Fax: 03-6092 6876

Attn.: **Ir. Wan Buliana bin Wan Senik**

viii) Perunding Alam Sekitar

EUROPASIA ENGINEERING SERVICES SDN. BHD. (239233-K)

No. 63A-2 & 65-2, Petaling Utama Avenue,

Jalan PJS1/50, Taman Petaling Utama,

46150 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan.

Tel. : 03-7783 3639/40; Fax. : 03-7784 3200

Attn. : **Ms. Geetha P. Kumaran (C0020)**

(EIA Study Team Leader)

ix) Makmal Akreditasi

SPECTRUM LABORATORIES SDN. BHD. (SMM No.: 244)

Lot 14 Jalan Pendamar 27/90,
Seksyen 27, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Tel.: 03-5192 8188 Fax: 03-5191 8188

Attn.: **Mr. Casey Kan**

II. Konsep Cadangan Pembangunan

- Pembangunan Bukit Katil menawarkan pelbagai variasi produk perniagaan untuk mewujudkan pembangunan bercampur yang menarik dan mampu berdaya saing serta mewujudkan pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat dan sekitarnya.
- Encorp Bukit Katil Sdn Bhd telah memperuntukkan beberapa kawasan perumahan dan pembangunan komersil sebagai usaha sama dengan pemaju lain.
- Encorp Bukit Katil Sdn Bhd sebagai Pemaju Utama bagi pembangunan Bukit Katil akan memantau semua permohonan pembangunan usahasama pemaju lain dengan pihak berkuasa tempatan.
- Komponen pembangunan utama bagi projek ini adalah peruntukan komponen perumahan yang terdiri daripada 285.50 ekar (iaitu, 44.54%) daripada keseluruhan kawasan pembangunan. Komponen lain termasuk komersil, institusi / kemudahan awam dan utiliti / infrastruktur.
- Komponen perumahan merangkumi keluasan 44.54% atau kira-kira 285.50 ekar daripada keseluruhan pembangunan terdiri daripada 5,010 unit rumah.
- Sektor komersil, merangkumi 26.74% (iaitu 171.42 ekar) daripada keseluruhan pembangunan, akan terdiri daripada plot komersil bercampur dan plot komersil.
- Plot komersil akan di bina di kawasan strategik berhampiran dengan kawasan perumahan dan mudah diakses kerana ia terletak di bahagian utara dan barat sepanjang Jalan Tun Hamzah dan Jalan Gapam, yang merupakan laluan utama ke kawasan pembangunan.
- Selaras dengan wawasan kerajaan untuk ke arah pencapaian 'Melaka Bandar Negeri Teknologi Hijau' berdasarkan kepada 7 sektor hijau utama seperti mana Pelan Tindakan Hijau. Salah satu sektor hijau utama adalah pengurusan alam semula jadi.
- Peruntukan pembinaan taman-taman bandar, kawasan lapang / kawasan hijau, zon penampungan dan rizab cerun, dengan jumlah keluasan 22.69 ekar (iaitu 3.56% daripada tapak projek).

- Pelan Tindakan Hijau bagi pembangunan Bukit Katil dalam pelan pemabngunan utama:
 - i. Taman bandar dirancang bagi mewujudkan rangkaian hijau di tengah-tengah pembangunan Bukit Katil.
 - ii. Penyediaan ruang terbuka pada setiap petak pembangunan akan memudahkan akses kepada kawasan hijau.
 - iii. Terdapat lima badan air yang direka bentuk sebagai kawasan rekreasi yang menawarkan daya tarikan rekreasi yang tinggi.
 - iv. Peredaran jalan raya di pembangunan Bukit Katil direka untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pada masa yang sama mengambil kira elemen-elemen keselamatan untuk pengguna pejalan kaki dan basikal.
- Rezab sungai 20m telah diperuntukkan bagi Sg. Gapam serta beberapa rizab saluran turut disediakan bagi aliran lain di dalam tapak projek. Tiada badan air yang akan ditimbus.

Jadual A: Anggaran Permintaan Utiliti dan Sisa Terjana Semasa Fasa Operasi Projek

Sector	Estimated Demand/Output	Description
Elektrik	Permintaan maksimum elektrik 101,994.70 KVA	<ul style="list-style-type: none">• Empat (4) Pencawang Pembahagi Utama (PPU) TNB dan satu (1) Pencawang Masuk-Utama (PMU) TNB akan disediakan bagi memenuhi permintaan elektrik untuk cadangan projek.
Air	Pemintaan air yang direka bentuk 3,869,492 gal/day	<ul style="list-style-type: none">• Sumber bekalan air oleh Syarikat Air Melaka Sdn. Bhd• Air yang dirawat hendaklah disimpan di dalam tangki air sebelum diagihkan kepada keseluruhan kawasan pembangunan.
Sisa Kumbahan	13,169,025 L/day	<ul style="list-style-type: none">• Kumbahan dari kawasan ini akan dialirkan ke Loji Rawatan Kumbahan secara aliran graviti berdasarkan kawasan takungan kumbahan untuk cadangan pembangunan.
Sisa Pepejal	58,529 kg per day	<ul style="list-style-type: none">• Pengutipan dan pelupusan sisa pepejal adalah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

Source: Euopasia Engineering Services Sdn. Bhd., 2017

Loji Rawatan Kumbahan

- Mana-mana kumbahan dan air basuhan yang dijana di tapak projek akan disalurkan ke Loji Rawatan Kumbahan yang dicadangkan di bahagian barat daya pembangunan melalui aliran graviti serta perlu dirawat untuk mematuhi Standard B Perintah-perintah Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 , sebelum dilepaskan ke Sg. Gapam. walaubagaimanapun, berdasarkan piawaian SPAN, reka bentuk loji ini haruslah berdasarkan Standard A.
- 6.49 ekar loji rawatan kumbahan akan direka bentuk untuk menampung **60,000 PE.**
- Loji rawatan kumbahan yang dicadangkan ini adalah menggunakan sistem *Extended Aeration (EA)* dan sebanyak 30m zon penampam yang mencukupi telah disediakan untuk Loji Kumbahan tersebut.
- Pembinaan loji rawatan kumbahan berdasarkan tiga (3) modul dengan kapasiti muktamad 60,000PE (setiap modul = 20,000PE) untuk empat (4) fasa pembangunan.

Jadual Pembangunan


Pembangunan ini akan dibahagikan kepada empat (4) fasa, dimana fasa 1 akan dimulakan terlebih dahulu. Cadangan pembangunan dianggarkan akan dilaksanakan selama kira-kira 10 tahun iaitu bermula pada awal 2018 bagi kerja-kerja pembersihan tapak dan kerja tanah (yang disasarkan bermula di Fasa 1) sehingga 2028 dengan siapnya bangunan dan kerja-kerja infrastruktur untuk semua fasa yang terlibat. Pembangunan Fasa 1 juga merangkumi infrastruktur utama seperti loji rawatan kumbahan, jalan-jalan utama, parit utama dan kolam takungan.

Pembersihan tapak dan kerja tanah telah ditetapkan kepada empat (4) fasa, Fasa 1 (Fasa 1a & Fasa 1b), Fasa 2 (Fasa 2a, Fasa 2b & Fasa 2c), Fasa 3 dan Fasa 4 (Fasa 4a & Fasa 4b). Pembersihan tapak bagi fasa 1 di jangka akan bermula pada awal 2018, manakala pembinaan bangunan di jangka selseai akhir 2018. Fasa-fasa seterusnya akan dilaksanakan secara berperingkat. Kerja tanah akan bermula setelah kerja pembersihan tapak di kawasan tertentu tapak projek telah selesai. kerja-kerja bangunan dan kerja-kerja infrastruktur utama akan dilaksanakan secara beransur-ansur dan serentak dengan aktiviti kerja tanah di semua peringkat

III. Alam Persekitaran Sediaada

PERSEKITARAN FIZIKAL	
Topografi	i. Permukaan yang beralun dengan julat purata ketinggian dari RL5m sehingga RL30m. <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan tertinggi – kira-kira RL65.695m terletak di puncak bukit di timur laut Tapak Projek. • Kawasan terendah – kira-kira RL2.402m terletak di lembah Sg. Gapam di tenggara Tapak Projek.
Saliran	i. Terletak di kawasan tadahan Sg. Gapam. ii. Tiga (3) batang sungai iaitu Sg. Gapam di timur sempadan Tapak Projek, Sg. Tahil dan anak sungai Sg. Jerneh di tengah Tapak Projek, dan Sg. Pengkalan Badok di barat Tapak Projek. iii. Sg. Tahil dan Sg. Pengkalan Badok → Sg. Gapam (berdekatan Taman Bukit Katil Damai) → mengalir ke arah selatan ke Sg. Ayer Panas (berdekatan Kg. Pengkalan Badak) → Sg. Duyung → Selat Melaka. iv. Kawasan berpaya terletak di sebahagian kawasan selatan Tapak Projek. v. Tiada takat pengambilan air di Sg. Gapam atau kawasan tadahan Sg. Duyung.
Air tanah	i. Di kawasan timur Tapak Projek terletak kawasan rejim akuifer yang berkeupayaan rendah manakala di kawasan tengah dan barat Tapak Projek terletak rejim akuifer berkeupayaan sederhana.
Geologi	i. Terletak pada pembentukan syis Jelebu yang terdiri daripada kuarzamik syis, filit dengan sedikit <i>slate</i> , dan yang mungkin berusia dari pertengahan <i>Ordovonian</i> sehingga awal <i>Siluran</i> .
Tanah	i. Terletak pada penyatuan Munchong-Seremban yang terbentuk pada bahan induk yang kebanyakannya telah metamorf dengan batuan sedimen kecuali di timur Tapak Projek yang terletak di atas tanah jenis Siri Renggam. ii. Menurut kajian penyiasatan tanah yang telah di jalankan oleh IES Integrated (M) Sdn. Bhd., sejumlah lapan (8) lubang gerudi telah digerudi di dalam Tapak Projek. iii. Merujuk kepada data log lubang gerudi, nilai SPT-N meningkat dengan kedalaman dan lapisan keras (SPT-N > 50) dan ditemui di antara 15.00m (i.e. lubang gerudi BH1 dan BH3) sehingga 42.00m (i.e lubang gerudi BH5) di bawah paras tanah sedia ada. Tiada letupan batu akan di lakukan.
Hidrogeologi	i. Berdasarkan peta hidrogeologi, kawasan timur Tapak Projek terletak di kawasan rejim akuifer yang berkeupayaan rendah manakala di kawasan tengah dan barat Tapak Projek terletak rejim akuifer berkeupayaan sederhana.
Gunatanah	i. Kawasan pertanian adalah jenis gunatanah utama dengan keluasan 18,024.79 ekar (54.7% daripada kawasan impak). ii. Penempatan & kawasan bukan pertanian yang berkaitan terdiri daripada kawasan bandar dan kawasan yang berkaitan, lebuh raya / jalan utama, kawasan rekreasi, talian kuasa dan tanah perkuburan adalah gunatanah kedua utama kawasan impak iaitu 11,942.45 ekar atau 36.3%. iii. Luas kawasan hutan di anggarkan 2,139.14 acres (6.5% daripada kawasan impak) iv. Penerima terdekat untuk projek yang dicadangkan ialah Vista Kirana, Taman Melaka Perdana, Melaka Perdana Resort Homes, Taman Bukit Katil Damai dan Taman Ozana Impian yang terletak berdekatan dengan Tapak Projek di kawasan sempadan utara, sempadan selatan dan sempadan barat Tapak Projek (lihat Gambarajah D).

GAMBARAJAH D: Jarak Penerima Terdekat dengan Tapak Projek



PERSEKITARAN FIZIKAL

Pensampelan Asas
- Air Sungai

- i. Sesi pensampelan air (W1, W2, W3, W4, W5, W6, W7 dan W8) telah dijalankan pada 10 Oktober 2016 dan 27 Disember 2016 (W2a – penambahan lokasi merujuk kepada ulasan mesyuarat TORAC) yang dijalankan pada dua sesi i.e., pagi dan petang.
- ii. Semua lokasi pensampelan air termaktub pada Kelas II berdasarkan kepada piawaian kualiti air untuk Malaysia seperti di Jadual B. Secara dasarnya, kualiti air adalah bersih untuk semua lokasi kecuali W1 dan W2 untuk sesi pagi yang sedikit tercemar.
- iii.

Jadual B: Lokasi Pensampelan Air

Lokasi Pensampelan	Penerangan	WQI	
		Pagi	Petang
W1	Koordinat : 02°16'46.3"N, 102°18'30.9"E Penerangan : Sampel di ambil dari saluran longkang. Aliran air sederhana laju. Air kelihatan jernih.	75 Kelas III	83 Kelas II
W2	Koordinat : 02°16'5.07"N, 102°19'11.1"E Penerangan : Aliran air perlahan. Air kelihatan sedikit keruh.	75 Kelas III	79 Kelas II
W2a	Koordinat : 02°16'5.07"N, 102°19'11.1"E Penerangan : Tiada sampel kerana lokasi pensampelan kering.	-	-
W3	Koordinat : 02°14'59.5"N, 102°19'09.6"E Penerangan : Aliran air sederhana laju. Air kelihatan sedikit keruh.	81 Kelas II	80 Kelas II
W4	Koordinat : 02°16'27.2"N, 102°19'44.6"E Penerangan : Aliran air laju. Air kelihatan jernih.	80 Kelas II	85 Kelas II
W5	Koordinat : 02°15'10.5"N, 102°19'20.4"E Penerangan : Aliran air sederhana laju. Air kelihatan sedikit keruh.	81 Kelas II	87 Kelas II
W6	Koordinat : 02°14'33.2"N, 102°18'57.0"E Penerangan : Aliran air perlahan. Air kelihatan sedikit keruh.	78 Kelas II	80 Kelas II
W7	Koordinat : 02°14'32.2"N, 102°20'15.9"E Penerangan : Aliran air perlahan. Air kelihatan sedikit keruh.	85 Kelas II	85 Kelas II
W8	Koordinat : 02°13'41.1"N, 102°18'49.1"E Penerangan : Aliran air sederhana laju. Air kelihatan sedikit jernih.	87 Kelas II	81 Kelas II

PERSEKITARAN FIZIKAL

- Kualiti Udara
 - i. Penilaian kualiti udara di jalankan dari 11 sehingga 15 Oktober 2016 di A1, A2, A3 dan A4, manakala penambahan lokasi pensampelan A5 dan A6 sebagaimana ulasan DOE ketika mesyuarat TORAC di jalankan pada 27 sehingga 29 Disember 2016. Lokasi pensampelan seperti di jadual C.
 - ii. Berdasarkan dapatan kajian semua parameter terletak di dalam had yang di benarkan oleh Garis Panduan Kualiti Udara Ambien Malaysia.

Jadual C: Lokasi Pensampelan Udara

Sampling Location	Location	Description
Point A1	02 ° 15'46.6"N, 102° 19'17.8"E	Terletak berdekatan dengan Vista Kirana. Penyumbang sekeliling: <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti penduduk setempat • Pergerakan kenderaan
Point A2	02°15'40.0"N, 102° 18'52.4"E	Terletak di dalam Tapak Projek bersebelahan dengan Melaka Perdana Resort Homes. Penyumbang sekeliling: <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti penduduk setempat
Point A3	02° 15'31.7"N, 102° 18'28.2"E	Terletak berdekatan dengan Jalan Tun Hamzah. Penyumbang sekeliling: <ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan kenderaan sepanjang Jalan Tun Hamzah • Aktiviti penduduk setempat
Point A4	02° 15'01.9"N, 102° 18'42.9"E	Terletak di Taman Bukit Damai. Penyumbang sekeliling: <ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan kenderaan • Aktiviti penduduk setempat
Point A5	02° 15'57.294"N, 102° 18'27.248"E	Terletak di Taman Melaka Perdana. Penyumbang sekeliling: <ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan kenderaan • Aktiviti penduduk setempat
Point A6	02° 15'55.756"N, 102° 19'41.768"E	Terletak di Taman Vista Kirana. Penyumbang sekeliling: <ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan kenderaan • Aktiviti penduduk setempat

Source: Europasia Engineering Services Sdn. Bhd, 2017

- Kualiti Bunyi Bising
 - i. Tahap bunyi bising di lokasi pensampelan yang telah di ditetapkan N1-N6 (lokasi yang sama seperti penilaian kualiti udara) telah dijalankan dari 7:00 pagi sehingga 10:00 malam untuk sesi pagi dan 10:00 malam sehingga 7:00 pagi untuk sesi malam.
 - ii. Dapatan kajian menunjukkan terdapat bunyi bising di N1, N2, N3 dan N4 bagi sesi malam dan N3 bagi kedua-dua sesi yang telah melebihi had yang dibenarkan. Tahap bunyi yang tinggi adalah berkemungkinan disebabkan oleh bunyi bising daripada aktiviti penduduk setempat dan pergerakan kenderaan.

- Kualiti Gegaran	<ul style="list-style-type: none"> i. Pensampelan tahap gegaran telah dijalankan pada empat (4) lokasi yang dipilih bagi penilaian selama 8 jam bermula 11 sehingga 15 Oktober 2016. ii. Dapatan kajian menunjukkan tahap getaran sedia ada adalah di bawah had yang dibenarkan kecuali lokasi pensampelan V4 yang mencatatkan bacaan sedikit tinggi daripada Garis Panduan JAS.
PERSEKITARAN BIOLOGI	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Terhadap kepada komposisi flora dan fauna tanah pertanian (ladang kelapa sawit dan tanaman kontan) dan tumbuhan renek di Semenanjung Malaysia. ▪ Berdasarkan draf rancangan tempatan daerah Hang Tuah Jaya 2025, cadangan Tapak Projek tidak terletak dalam mana-mana cadangan Kawasan Sensitif Alam Sekitar 	
Flora	<ul style="list-style-type: none"> i. Komposisi flora Tapak Projek boleh dibahagikan kepada dua (2) jenis; pokok renek hutan sekunder dan tanaman komersil (ladang kelapa sawit dan tanaman kontan). ii. Bilangan pokok besar rendah menunjukkan komposisi flora sedia ada sebelum ini adalah hutan sekunder yang telah dieksploitasi bagi aktiviti pembalakan / hasil kayu dan digantikan dengan perladangan kelapa sawit. iii. Tanaman kontan terdiri daripada tanaman jagung, pisang, kelapa sawit, dan labu (<i>Cucurbita</i> sp.) meliputi hampir separuh daripada kawasan Tapak Projek.
Fauna	<ul style="list-style-type: none"> i. Komposisi fauna telah terjejas dari segi kepelbagaian spesies dan kepadatan populasi. Ini disebabkan kehilangan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang telah digantikan dengan aktiviti perladangan (jagung, kelapa sawit dan labu) dalam tapak projek dan pembangunan kawasan kediaman dan komersil di sekitar tapak projek. ii. Tidak sesuai sebagai habitat hidupan liar. iii. Semua spesis mamalia yang ditemui atau yang boleh didapati di tapak projek di kategorikan dalam status sedikit bimbang di bawah Senarai Merah Spesis Terancam IUCN dan 'hidupan liar tanpa perlindungan' di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (716).
PERSEKITARAN SOSIO-EKONOMI	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tapak Projek terletak di Mukim Bukit Katil dengan populasi berdaftar seramai 43,500. ▪ Tiada penempatan kelihatan di dalam Tapak Projek. ▪ Tapak Projek tidak mempunyai kaitan dengan mana-mana kampung atau taman perumahan, oleh itu, tiada anjakan masyarakat yang akan berlaku daripada cadangan pembangunan. ▪ Persekitaran gunatanah Tapak Projek terdiri daripada kawasan perumahan dan rekreasi. ▪ Kajian persepsi sosial telah dijalankan di kalangan penduduk terdekat di sepanjang Jalan Tun Hamzah dan Jalan Gapam yang umumnya tidak mempunyai sebarang halangan kepada cadangan pembangunan. Walaubagaimanapun, sesetengah penduduk melahirkan kebimbangan mereka terutamanya ketika fasa pembinaan yang boleh mengganggu ketenangan di kawasan ini. 	

IV. Impak alam sekitar yang signifikan & Cadangan langkah-langkah kawalan

Isu-isu alam sekitar yang utama berhubung dengan aktiviti-aktiviti semasa pembersihan tapak, pembinaan dan fasa operasi. Impak-impak yang utama beserta dengan cadangan langkah-langkah kawalan diringkaskan dalam **Jadual D**.

V. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)

Selain daripada mencadangkan langkah-langkah kawalan, laporan ini juga menekankan formulasi dan pelaksanaan pelan pengurusan alam sekitar (EMP). Pelan ini perlu dianggotai pihak Pemaju, jurutera perunding, kontraktor dan perunding alam sekitar. Rancangan pengurusan dan program pengawasan yang dicadangkan untuk Projek ini di peringkat pembinaan dan operasi adalah seperti berikut:

- Program pengawasan, latihan dan penyelenggaraan berkaitan struktur kawalan pencemaran;
- Pelaksanaan langkah-langkah kawalan di tapak;
- Perancangan kemajuan kerja di tapak;
- Penyediaan langkah keselamatan berserta dengan langkah kecemasan;
- Pelaksanaan rancangan pengurusan trafik yang telah di dokumentasi untuk memastikan keselamatan di tapak;
- Pengawasan kualiti air, udara, bunyi bising dan gegaran untuk menilai keberkesanan pelaksanaan langkah mitigasi yang telah dicadangkan.
- Penilaian kualiti air, udara, bunyi bising dan gegaran di kawasan tapak dan analisis makmal dilakukan oleh makmal yang mendapat kelulusan Jabatan Piawaian (Standard) Malaysia.

VI. Keputusan Kajian

Kajian ini telah dinilai berdasarkan tiga (3) perkara utama iaitu secara fizikal, biologi dan sosio-ekonomi penduduk setempat. Kajian dijalankan didalam lingkungan tapak projek dan kawasan persekitaran.

Persekitaran biologi sedia ada terhad kepada komposisi flora dan fauna tanah pertanian hutan sekunder dan tumbuhan renek di Semenanjung Malaysia. Walaupun aktiviti urbanisasi dan pembangunan rekreasi di persekitaran Tapak Projek, iaitu, Taman Vista Kirana, Melaka Perdana Resort Home, Taman Bukit Katil Permai, Taman Ozana Impian, Tiara Melaka Golf Resort, dan sebagainya, langkah kawalan telah di cadangkan untuk mengurangkan sebarang gangguan dari pembangunan ini.

Pemerhatian yang dibuat semasa kajian lapangan telah mendapati bahawa spesies tumbuhan adalah spesies biasa dan tidak mempunyai nilai pemuliharaan.

Dari segi sosio-ekonomi dan penempatan penduduk ditapak projek, kajian telah menyimpulkan bahawa tiada penempatan penduduk yang terdapat di dalam kawasan kajian oleh itu tiada aktiviti sosio-ekonomi yang akan terjejas daripada cadangan pembangunan ini.

Menurut Peta Tanah Semenanjung Malaysia (Pindaan 2002) yang diterbitkan oleh Kementerian Pertanian Malaysia, keseluruhan tapak projek terletak di atas penyatuan Munchong-Seremban dan kawasan timur Tapak Projek terletak di atas tanah Siri Rengam, yang menunjukkan tanah di tapak projek adalah telap kepada air, oleh itu, bahagian atas tanah tanpa perlindungan tumbuhan sangat mudah terhakis apabila terdedah kepada hujan. Maka, isu-isu aktiviti tanah terganggu adalah elemen yang paling kritikal di mana pembangunan berfasa dan mitigasi perlu ditekankan.

Bagi kualiti air, berdasarkan kepada pemodelan air yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan pelepasan air yang dirawat oleh STP menunjukkan pelepasan BOD dan Ammonikal Nitrogen tidak akan mempunyai impak terhadap kualiti air Sg. Gapam.

Kesimpulannya, kejayaan intergrasi cadangan pembangunan dengan persekitaran kawasan pembangunan akan menyumbang ke arah penerimaan sosial cadangan projek pembangunan ini. Melalui komitmen yang tinggi dan penyeliaan berterusan di tapak, adalah dijangkakan bahawa pembangunan boleh dilaksanakan dalam konteks pembangunan yang mampan.